

JABATAN KORPORAT

TARIKH:19.12.2023 MASA:04.00pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROJEK CARETON BERSAMA
TETRA PAK MALAYSIA SDN.BHD. DAN NESTLE MILO
UHT MALAYSIA

TARIKH / MASA / TEMPAT
20 DISEMBER 2023 (RABU)
10.30 PAGI

AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Disediakan oleh Jabatan Korporat

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSBSP 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam satu lagi program daripada Jabatan Perbandaran MBSP iaitu Program Projek Careton bersama Tetra Pak dan Nestle Milo UHT Malaysia bagi aktiviti kempen kutipan kotak minuman untuk dikitar semula.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini terutamanya daripada Syarikat Tetra Park dan juga Syarikat Nestle Milo UHT, Ketua-Ketua Jabatan dan semua kakitangan yang hadir pada hari ini.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan persekitaran kawasan pentadbiran MBSP berada dalam keadaan yang bersih dan sihat. Oleh yang demikian, pembersihan merupakan antara perkhidmatan tunjang yang diberikan oleh MBSP kepada warga Seberang Perai. Perkhidmatan pembersihan yang diberikan oleh MBSP adalah merangkumi tiga (3) perkhidmatan iaitu:-

- i. Kerja-Kerja Pembersihan Am (KPA)
 - ii. Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS)
 - iii. Perkhidmatan Pelupusan Sisa Pepejal (PPSP)
4. Selain daripada yang saya sebut di atas, MBSP juga berusaha untuk menggalakkan kitar semula dijalankan oleh penduduk Seberang Perai. MBSP mensasarkan agar kita dapat meningkatkan kadar kitar semula kita kepada 70% menjelang tahun 2030. Kita perlu mengambil inspirasi cara pengurusan sisa pepejal di Singapura kerana mereka antara negara paling cekap dan efisien dalam pengurusan sisa domestik di dunia sehingga mencapai 60% kitar semula dan hanya 2% sisa domestik dibuang di tapak pelupusan. Tiada apa yang mustahil jika kita ada semangat, usaha dan kerjasama.
5. Seiring dengan penambahan populasi penduduk, peningkatan dalam pembuangan sampah harian tidak dapat disangkal lagi. *“Education and Awareness”* merupakan pendekatan yang diambil oleh MBSP bagi menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kitar semula untuk pengurusan sampah yang lebih efisien dan teratur. Secara tuntasnya, MBSP tidak hanya boleh melaksanakan program atau projek kitar semula ini sendirian, tetapi apa yang diperlukan adalah kerjasama dan tanggungjawab bersama daripada semua pihak.

6. *Team Local Action 21* MBSP di bawah Jabatan Perbandaran sedia berkhidmat membantu masyarakat untuk mewujudkan kesedaran dan melaksanakan pelbagai program kitar semula dan upcycle bersama. Pelbagai siri bengkel atau ceramah juga boleh diadakan bagi pemahaman penduduk Seberang Perai betapa pentingnya menjaga alam sekitar.
7. MBSP hari ini beruntung, bertuah dan gembira atas penglibatan Syarikat Tetra Park dan Nestle Milo UHT Malaysia, dua buah syarikat yang multinasional yang sudi bersama-sama MBSP dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) iaitu aktiviti Kempen Kutipan Kotak Minuman untuk dikitar semula .
8. Dua buah syarikat besar ini akan bersama-sama MBSP bagi memberikan taklimat pendidikan berkaitan kitar semula dan memberikan hadiah kepada pemenang yang berjaya mengumpul kotak minuman. Jumlah nilai hadiah yang ditaja oleh Syarikat Tetra Park ialah sebanyak RM1100.00. Selain itu, Syarikat Tetra Park juga akan mengadakan pameran di lobi MBSP bagi memberikan pendedahan projek dan program alam sekitar kepada kakitangan di MBSP.
9. Di samping itu, akan diadakan juga kempen jualan minyak terpakai oleh Syarikat Arus Oil melibatkan kakitangan MBSP dan orang awam yang berminat menjual minyak masak terpakai dan setiap beratan

akan dibayar dengan kadar harga RM3/kg. Terima kasih juga kepada Nestle Malaysia kerana menaja minuman percuma kepada 500 semua yang hadir pada hari ini.

10. Untuk makluman semua, MBSP baru-baru ini pada 16 Disember 2023 MBSP telah melancarkan Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah 2024 di Dewan MPKK Bukit Panchor, Nibong Tebal. Ini juga merupakan kerjasama strategik antara MBSP dan pihak swasta. Sisa elektrik dan elektronik atau singkatannya e-sisa atau *e-waste* merupakan sisa yang paling cepat meningkat berbanding sisa yang lain kerana kebergantungan manusia kepada peralatan elektronik.
11. E-sisa adalah produk-produk elektrik dan elektronik yang lama, rosak, lapuk atau tidak lagi diperlukan lagi. Antaranya seperti set televisyen lama, peti ais, telefon bimbit, komputer riba, pendingin hawa, mesin basuh, pemain VCD dan DVD, komputer, pengering rambut dan projektor. E-Sisa ini adalah sisa sampah yang merbahaya dan perlu di tangani sebaiknya.
12. Program seperti ini amat bermakna buat kita semua kerana ianya merupakan satu usaha yang perlu dilihat dari sudut positif untuk bersama-sama ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, iaitu memulihkan ekosistem di bumi kita yang tercinta ini. Saya ingin

mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada program pagi ini.

13. Seajar dengan Visi Majlis Bandaraya Seberang Perai, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**”, MBSP sentiasa giat berusaha untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai disamping mewujudkan “*Education dan Awareness*” untuk penduduk Seberang Perai.
14. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan MBSP *Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production and Climate Action*, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.
15. Dengan ucapan Bismillahhirahmanirrahim, saya merasmikan Projek Careton bersama Tetra Pak dan Nestle Milo UHT Malaysia.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.